

27 OCT 2003

MAHATHIR-CUKAI

KUTIPAN CUKAI LEBIH BAIK BERBANDING KEBANYAKAN NEGARA LAIN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kutipan cukai di Malaysia adalah lebih baik berbanding kebanyakan negara lain termasuk sesetengah negara maju.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kutipan cukai di negara ini, seperti cukai pendapatan, cukai eksais kastam dan cukai jalan terus meningkat setiap tahun berikutan peningkatan kecekapan dalam aktiviti pemungutan cukai.

Perdana Menteri yang akan bersara Jumaat ini berkata terdapat kerajaan di negara-negara lain yang tidak dapat memungut cukai yang sepatutnya kerana terdapat beberapa halangan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan berusaha meningkatkan kecekapan pungutan cukai dan memastikan tiada halangan dalam kutipan cukai seperti rasuah dan penyelewengan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang Perbendaharaan yang juga perhimpunan terakhirnya di Kementerian Kewangan di sini, beliau berkata bagaimanapun, penyalahgunaan kuasa

"Saya tidak percaya bahawa di dunia ini ada negara yang tidak menghadapi masalah yang sama. Yang penting ialah prestasi kita lebih baik daripada kebanyakan negara termasuk negara maju," katanya.

Beliau berkata ada negara maju yang berhadapan dengan masalah tidak dapat mengutip cukai korporat atau cukai pendapatan dengan sepenuhnya kerana terdapat cara yang dibuat untuk mengelak daripada membayar cukai.

Di Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan mempunyai segala peruntukan yang diperlukan untuk memungut cukai penuh tetapi masih terdapat pihak yang cuba mencari peluang untuk menipu.

Merujuk kepada hukuman mati terhadap penyeludup dadah yang masih gagal menghentikan kegiatan itu sepenuhnya, Perdana Menteri berkata: "Jadi tiada cara yang sempurna yang dapat memastikan kita dapat memungut cukai penuh."

--BERNAMA

MAD NHD